

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 JANUARY 2017

Kenyataan Kit Siang, Dr Mahathir bercanggah

BH - 24/1/2017

Georgetown: Kesiediaan penasihat DAP, Lim Kit Siang untuk bekerjasama dengan PAS bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang, bercanggah dengan pendirian Tun Dr Mahathir Mohamad yang menegaskan Pakatan Harapan tidak memerlukan kerjasama dengan PAS.

Ini sekali gus mencerminkan perbezaan pendapat terus menular dalam kalangan pemimpin pakatan, manakala PAS sebelum ini bertegas tidak akan bekerjasama dengan DAP, selain mahu terus

menjauhkan diri daripada parti serpihannya, Parti Amanah Negara yang juga berada dalam Pakatan Harapan.

Namun, dalam sidang medianya di sini semalam, Kit Siang menafikan membuat pusingan U berhubung kesiediaan parti itu bekerjasama dengan PAS.

Sebaliknya, Ketua Ahli Parlimen DAP itu berkata, kesiediaannya bekerjasama dengan PAS hanya akan dapat direalisasikan sekiranya Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang bersedia untuk

berbuat demikian.

Katanya, beliau tidak peduli sekiranya dilabelkan sebagai hipokrit kerana mendakwa apa yang lebih penting adalah agenda untuk menyelamatkan Malaysia.

Biar rakyat tentukan

“Memang kita mempunyai perbezaan pandangan berhubung beberapa perkara, namun sekiranya Abdul Hadi bersedia, kita boleh laksanakan agenda utama untuk menyelamatkan Malaysia. Sama ada saya hipokrit atau tidak, biar

rakyat yang menentukannya,” katanya.

Kelmarin, Kit Siang mengakui pihaknya bersedia bekerjasama dengan PAS bagi menghadapi PRU-14 akan datang yang kononnya sebagai usaha untuk menyelamatkan Malaysia daripada pentadbiran diterajui Barisan Nasional (BN).

Mengulas lanjut, Kit Siang berkata, secara dasarnya beliau sudah bersedia untuk bekerjasama dengan Abdul Hadi, namun pihaknya memerlukan persetujuan PAS

untuk memastikan misi membebaskan negara dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang terlaksana.

“Ini bukan pusingan U... kenapa pula ia disifatkan sebagai pusingan U? Tiba-tiba sahaja orang melabelkan (kesediaan DAP kerjasama dengan PAS) sebagai pusingan U,” katanya.

Ditanya, sama ada beliau sudah menghubungi Abdul Hadi untuk berbincang mengenai kerjasama berkenaan, Kit Siang berkata, beliau tidak berbuat demikian.